

Pemimpin UMNO Harus Jujur Kepada Pucuk Pimpinan Tertinggi, Kata Johari Baharom
Bernama
12 Disember, 2011

JITRA, 12 Dis (Bernama) -- Anggota Umno, khususnya pemimpin peringkat bahagian perlu jujur kepada pucuk pimpinan tertinggi parti, jika ingin melihat Umno mendapat sokongan majoriti orang Melayu pada pilihan raya umum akan datang.

Ketua Umno Kubang Pasu Datuk Mohd Johari Baharom berkata andai pemimpin terbabit membuang sikap pentingkan diri dan insaf, tidak sukar untuk parti itu meraih kembali sokongan Melayu.

"Umno sebenarnya tidak lemah. Ia mampu hadapi apa saja parti tetapi kerana orang Melayu tidak bersatu dan masalah remeh serta dalaman di peringkat bahagian menjadikan Umno lemah.

"Ahli parti lawan sebaliknya tidak mendedahkan moral tidak baik pemimpin mereka yang boleh menjejaskan parti, malah mempertahankan mereka habis-habisan tetapi orang-orang Umno tidak mempunyai sikap begitu," katanya kepada Bernama, di sini pada Isnin.

Mohd Johari yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kedah, berkata peringatan yang dibuat berulang kali oleh Presiden parti Datuk Seri Najib Tun Razak seharusnya dipegang anggota Umno.

Namun, kata beliau apa yang berlaku adalah sebaliknya, kerana semangat berkobar-kobar itu pudar selepas perhimpunan agung parti selesai.

"Tun Dr Mahathir dan Tun Abdullah berkata kepada saya ahli-ahli Umno selalu memuji ucapan dasar Presiden sebagai terbaik dan bersemangat, namun semangat berkobar-kobar mereka hilang sebaik perhimpunan selesai," katanya yang pernah berkhidmat sebagai setiausaha politik kepada kedua-dua bekas perdana menteri itu.

Katanya pilihan raya umum akan datang ini bakal menjadi paling sengit kerana Umno dan Barisan Nasional berdepan dengan parti pembangkang yang mempunyai kekuatan daripada segi kewangan dan logistik, selain menguasai empat negeri.

Justeru katanya, sudah tiba masanya semua pemimpin meletakkan kepentingan parti mengatasi kepentingan diri dan akur dengan keputusan pucuk pimpinan dalam soal pemilihan calon pada pilihan raya umum itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633523>

